



Live more,
Bank less

DBS GROUP HOLDINGS LTD DAN ANAK-ANAK SYARIKATNYA

RINGKASAN MAKLUMAT KEWANGAN
Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

Ringkasan Maklumat Kewangan berikut hanya mengandungi ringkasan bagi penyata kewangan lengkap DBS Group Holdings Ltd dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan) dan DBS Bank Ltd. (Bank). Ia tidak merangkumi maklumat yang mencukupi untuk memahami sepenuhnya tentang hasil dan hal ehwal Kumpulan dan Bank. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada penyata kewangan lengkap yang telah diaudit sepenuhnya, laporan juru audit dan Penyata Pengarah masing-masing. Semua ini boleh didapati di laman web DBS – www.dbs.com/investors.

RINGKASAN MAKLUMAT KEWANGAN

JADUAL KANDUNGAN

DBS Group Holdings Ltd dan anak-anak syarikatnya

Laporan Juruaudit	3
--------------------------	---

Penyata Kewangan

Penyata Pendapatan yang Disatukan Teraudit	11
Penyata Pendapatan Komprehensif yang Disatukan Teraudit	12
Kunci Kira-kira yang Disatukan Teraudit	13
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti yang Disatukan Teraudit	14
Penyata Aliran Tunai yang Disatukan Teraudit	15

Maklumat lain

1. Kecukupan Modal	17
2. Dividen	17
3. Peristiwa Selepas Akhir Tahun Kewangan	17

DBS Bank Ltd.

Penyata Kewangan

Penyata Pendapatan Teraudit	18
Penyata Pendapatan Komprehensif Teraudit	19
Kunci Kira-kira Teraudit	20

Maklumat lain

1. Kecukupan Modal DBS Bank Ltd. dan anak-anak syarikatnya	21
2. Peristiwa Selepas Akhir Tahun Kewangan	21

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI DBS GROUP HOLDINGS LTD

Laporan mengenai Audit Penyata Kewangan

Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan DBS Group Holdings Ltd ("Syarikat") dan anak-anak syarikatnya ("Kumpulan") yang disatukan dan kunci kira-kira Syarikat yang dilampirkan telah disediakan dengan betul berlandaskan peruntukan Akta Syarikat 1967 ("Akta") dan Piawaian Laporan Kewangan Singapura (Antarabangsa) ("SFRS (I)") untuk memberi gambaran yang betul dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan yang disatukan dan kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan yang disatukan, perubahan dalam ekuiti yang disatukan dan aliran tunai Kumpulan yang disatukan bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

Perkara yang kami telah audit

Penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan merangkumi:

- penyata pendapatan Kumpulan yang disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021;
- penyata pendapatan komprehensif Kumpulan yang disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021;
- kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2021;
- penyata perubahan dalam ekuiti Kumpulan yang disatukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut;
- penyata aliran tunai Kumpulan yang disatukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
- nota bagi penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting.

Asas bagi pendapat

Kami menjalankan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan Singapura ("SSA"). Tanggungjawab kami telah dihuraikan dengan lebih lanjut dalam seksyen *Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan* dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti pengauditan yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan

Kami bebas daripada Kumpulan menurut Kod Perlakuan dan Etika Profesional bagi Akauntan Awam dan Entiti Perakaunan ("Kod ACRA") yang ditetapkan oleh Penguasa Kawal Selia Perakaunan dan Korporat di samping keperluan etika yang berkaitan dengan audit penyata kewangan kami di Singapura dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain berlandaskan keperluan ini dan Kod ACRA.

Pendekatan audit kami

Gambaran keseluruhan

Kematanan

- Kami menetapkan kematanan Kumpulan keseluruhan berdasarkan 5% keuntungan sebelum cukai Kumpulan.

Skop Kumpulan

- Prosedur audit skop lengkap telah dilaksanakan ke atas Operasi Singapura DBS Bank Ltd. dan DBS Bank (Hong Kong) Limited ("komponen ketara").
- Kami mengenal pasti DBS Bank Ltd. Cawangan Hong Kong, Taipei dan Seoul, DBS Bank (China) Limited, PT Bank DBS Indonesia, DBS Bank (Taiwan) Ltd dan DBS Bank India Limited sebagai entiti komponen di mana baki akaun tertentu dianggap sebagai ketara dari segi saiz berhubung dengan Kumpulan ("komponen lain"). Sehubungan dengan itu, audit dan prosedur yang ditetapkan untuk baki akaun penting komponen ini telah dilaksanakan untuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai.

Perkara audit utama

- Peruntukan khusus bagi pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan
- Peruntukan umum bagi kerugian kredit (Kerugian Kredit Peringkat 1 dan 2 yang Dijangkakan)
- Muhibah
- Penilaian instrumen kewangan yang dipegang pada nilai saksama

Sebagai sebahagian daripada usaha mereka bentuk audit kami, kami menetapkan kematanan dan mentaksir risiko salah nyata yang matan dalam penyata kewangan yang disertakan. Khususnya, kami mempertimbangkan di mana pihak pengurusan membuat pertimbangan subjektif; sebagai contoh, berkenaan dengan anggaran perakaunan ketara yang melibatkan usaha membuat andaian dan mempertimbangkan peristiwa masa hadapan yang hakikatnya tidak pasti. Sama seperti dalam semua audit kami, kami turut menangani risiko pihak pengurusan mengatasi kawalan dalaman, termasuk antara lain, pertimbangan tentang sama ada terdapat bukti bahawa berlaku berat sebelah yang menampilkan risiko salah nyata matan disebabkan oleh penipuan (fraud).

Kematanan

Skop audit kami dipengaruhi oleh penggunaan konsep kematanan kami. Audit direka untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan yang disatukan itu adalah bebas daripada salah nyata yang matan. Salah nyata mungkin timbul disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Salah nyata dianggap matan jika secara individu atau agregat, ini dijangkakan boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan yang disatukan.

Berdasarkan pertimbangan profesional kami, kami menentukan ambang kuantitatif tertentu bagi kematanan, termasuk kematanan kumpulan bagi penyata kewangan yang disatukan secara keseluruhan sebagaimana yang dibentangkan dalam jadual di bawah. Ini, bersama dengan pertimbangan kualitatif, membantu kami menentukan skop audit kami dan sifatnya, masa serta takat prosedur audit kami dan untuk menilai kesan salah nyata, secara individu dan pada penyata kewangan secara keseluruhan.

Bagaimana kami menentukan kematangan Kumpulan secara keseluruhan	5% daripada untung sebelum cukai Kumpulan
Rasional bagi penanda aras yang digunakan	<ul style="list-style-type: none"> • Kami memilih 'untung sebelum cukai' kerana pada pendapat kami, ini ialah penanda aras yang paling lazim digunakan bagi mengukur prestasi Kumpulan. • Kami telah memilih 5% berdasarkan pertimbangan profesional kami, dengan mengambil kira bahawa ini juga dalam lingkungan ambang berkaitan keuntungan yang lazim diterima.

Dalam melaksanakan audit kami, kami memperuntukkan tahap kematangan kepada komponen-komponen ketara Kumpulan. Ini adalah kurang daripada kematangan keseluruhan Kumpulan.

Bagaimana kami membangunkan skop audit

Kami menyesuaikan skop audit kami untuk melaksanakan kerja yang secukupnya untuk membolehkan kami memberi pendapat mengenai penyata kewangan secara keseluruhan, dengan mengambil kira struktur Kumpulan, proses dan kawalan perakaunan, dan industri yang meliputi operasi Kumpulan. Proses laporan kewangan Kumpulan bergantung pada sistem Teknologi Maklumat ("IT"). Skop audit kami termasuk menguji keberkesanan operasi kawalan ke atas integriti data kewangan utama yang diproses melalui sistem IT yang relevan dengan pelaporan kewangan.

Dalam mewujudkan pendekatan audit Kumpulan secara keseluruhan, kami menentukan tahap prosedur audit kami yang perlu dilaksanakan di seluruh Kumpulan oleh kami atau yang perlu dilaksanakan oleh firma rangkaian PwC lain yang beroperasi di bawah arahan kami, yang biasa dengan undang-undang dan peraturan tempatan di setiap wilayah ini ("juruaudit komponen"). Apabila kerja dilaksanakan oleh juruaudit komponen, kami menentukan tahap penglibatan yang kami perlu ada dalam prosedur ini agar dapat membuat kesimpulan sama ada bukti audit sewajarnya dan secukupnya telah diperoleh sebagai asas bagi pendapat kami mengenai penyata kewangan secara keseluruhan.

Perkara audit utama

Perkara audit utama ialah perkara yang, menurut pertimbangan profesional kami adalah paling penting dalam audit kami bagi penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Perkara ini ditangani dalam konteks audit kami bagi penyata kewangan secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami tentang perkara ini seterusnya dan kami tidak memberi pendapat yang berasingan mengenai perkara-perkara ini.

Perkara audit utama	Bagaimana audit kami menangani perkara audit utama
<p>Peruntukan khusus bagi pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan</p> <p>Pada 31 Disember 2021, peruntukan khusus bagi pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan Kumpulan ialah \$2,545 juta, sebahagian besarnya berkaitan dengan para pelanggan Kumpulan Perbankan Institusi ("IBG"). Peruntukan khusus merujuk kepada peruntukan kerugian bagi pendedahan kredit rosot nilai (iaitu Peringkat 3 berdasarkan SFRS (I) 9). Kerugian Kredit yang Dijangkakan ("ECL") ke atas pendedahan bukan rosot nilai (iaitu Peringkat 1 dan Peringkat 2) ditetapkan di bawah perkara audit utama 'Peruntukan umum bagi kerugian kredit'.</p> <p>Kami memberi tumpuan pada bidang ini kerana pertimbangan subjektif oleh pihak pengurusan dalam menentukan keperluan untuk, dan menganggarkan saiz bagi, peruntukan ke atas pinjaman dan pendahuluan.</p> <p>Khususnya, kami memberi tumpuan pada peruntukan khusus bagi pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan IBG kerana sebarang pentaksiran kemerosotan nilai, hakikatnya, bersifat subjektif dan melibatkan pertimbangan yang ketara meliputi masa pengiktirafan sebarang kemerosotan nilai dan juga anggaran saiz kemerosotan nilai tersebut. Ini termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none">• andaian utama yang menjadi asas pengiraan peruntukan khusus bagi pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan IBG di mana terdapat bukti kemerosotan nilai kerugian (termasuk keuntungan pada masa hadapan bagi peminjam dan jangkaan nilai yang boleh direalisasikan daripada cagaran yang dipegang); dan• klasifikasi pinjaman dan pendahuluan selaras dengan Notis MAS 612 ("MAS 612") dan 612A ("MAS 612A"). <p>Kami mempertimbangkan pemilihan sampel yang difokuskan kepada peminjam dengan pendedahan kepada sektor-sektor tertentu memandangkan risiko kredit yang semakin meningkat dan kesan pandemik COVID-19 yang boleh menjejaskan beberapa bahagian portfolio.</p> <p>(Juga rujuk kepada Nota 3 dan 18 pada penyata kewangan.)</p>	<p>Kami telah menilai reka bentuk serta keberkesanan operasi kawalan yang meliputi peruntukan khusus bagi pinjaman dan pendahuluan kepada para pelanggan IBG. Kawalan ini termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none">• pemantauan risiko kredit oleh Jawatankuasa Risiko Kredit Kumpulan;• penilaian semula pengurusan risiko kredit yang tepat pada masanya;• pengenalpastian senarai amatan (watch-list) dan proses pemantauan;• pengenalpastian peristiwa kemerosotan nilai yang tepat pada masanya;• pengelasan pinjaman dan pendahuluan selaras dengan MAS 612 dan MAS612A; dan• proses pemantauan dan penilaian cagaran. <p>Kami memutuskan bahawa kami boleh dipercayai kawalan-kawalan ini bagi tujuan audit kami.</p> <p>Kami telah memeriksa sampel pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan IBG untuk menilai sama ada klasifikasi pinjaman dan pendahuluan adalah selaras dengan MAS 612 dan MAS 612A dan, jika terdapat bukti kerugian rosot nilai, sama ada ia telah dikenal pasti tepat pada masanya. Ini termasuk, di mana berkaitan, bagaimana toleransi telah diambil kira, dengan tumpuan khusus pada kesan COVID-19.</p> <p>Di mana kemerosotan nilai telah dikenal pasti untuk sampel pinjaman dan pendahuluan, tugas kami termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none">• mempertimbangkan perkembangan terkini berhubung dengan peminjam;• memeriksa ramalan aliran tunai masa hadapan yang disediakan oleh pihak pengurusan, termasuk andaian utama berhubung dengan jumlah dan masa pembayaran balik;• membandingkan penilaian cagaran dan sumber pembayaran lain untuk menyokong pengiraan kemerosotan nilai berbanding dengan bukti luar, jika ada, termasuk laporan penilaian bebas;• mencabar andaian pihak pengurusan; dan• menguji pengiraan tersebut. <p>Bagi sampel pinjaman dan pendahuluan kepada para pelanggan IBG yang berfungsi yang belum dikenal pasti oleh pihak pengurusan sebagai rosot nilai, dengan mengambil kira perkembangan terkini berkaitan peminjam, kami mencabar andaian pengurusan tentang sama ada pengelasan pihak pengurusan bersesuaian, dengan menggunakan bukti luar yang berkenaan dengan peminjam yang berkaitan.</p> <p>Berdasarkan prosedur yang dilakukan, kami telah menilai bahawa agregat peruntukan khusus untuk pinjaman dan pendahuluan adalah sesuai.</p>

Perkara audit utama	Bagaimana audit kami menangani perkara audit utama
<p>Peruntukan umum bagi kerugian kredit (Kerugian Kredit Peringkat 1 dan 2 yang Dijangkakan)</p> <p>Instrumen Kewangan SFRS(I) 9 (“SFRS(I) 9”) memerlukan model kemerosotan nilai ECL yang mengambil kira maklumat yang berpandangan ke hadapan untuk mencerminkan kemungkinan peristiwa ekonomi masa depan. Dalam menganggarkan ECL dalam jangka masa yang akan datang, pertimbangan yang ketara diperlukan. Selanjutnya, pandemik COVID-19 bermaksud andaian mengenai prospek ekonomi, dan impak seterusnya terhadap pelanggan Kumpulan, adalah tidak pasti, peningkatan tahap penilaian diperlukan.</p> <p>Kami memberi tumpuan pada pengukuran Kumpulan bagi peruntukan umum ke atas pendedahan yang tiada rosot nilai (\$3,876 juta). Ini merangkumi kedua-dua pendedahan ‘Peringkat 1’ (di mana tidak terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit), dan pendedahan ‘Peringkat 2’ (di mana peningkatan ketara dalam risiko kredit telah diperhatikan). Rangka kerja ECL yang dilaksanakan oleh Kumpulan melibatkan pertimbangan dan andaian yang ketara yang berkaitan dengan, antara lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pelarasan kepada model dan parameter kredit Basel Kumpulan; • penggunaan maklumat berpandangan ke hadapan dan makroekonomi; • anggaran jangka hayat bagi kemudahan kredit pusingan; • penilaian peningkatan ketara dalam risiko kredit; dan • pelarasan pasca model untuk mengambil kira batasan dalam model ECL, sebagai contoh risiko kepada portfolio kredit daripada pandemik COVID-19 semasa. <p>(Juga rujuk kepada Nota 3 dan 11 pada penyata kewangan.)</p>	<p>Kami secara kritis menilai andaian dan anggaran yang dibuat oleh pihak pengurusan berkaitan dengan ECL Peringkat 1 dan Peringkat 2 untuk portfolio runcit dan bukan runcit pada 31 Disember 2021. Ini termasuk penilaian penghalusan dari segi metodologi yang dibuat dalam tahun tersebut.</p> <p>Kami menguji reka bentuk dan keberkesanan operasi kawalan utama yang memberi tumpuan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • penglibatan jawatankuasa tadbir urus, dalam mengkaji dan meluluskan andaian makroekonomi tertentu yang berpandangan ke hadapan, termasuk pelarasan pasca model yang mencerminkan ketidakpastian yang belum pernah terjadi sebelumnya dan lebih tinggi dalam prospek kredit akibat COVID-19; • kesempurnaan dan ketepatan input data luaran dan dalaman ke dalam pengiraan ECL; dan • ketepatan dan ketepatan masa peruntukan pendedahan ke dalam Peringkat 1 dan Peringkat 2 berdasarkan pencetus kuantitatif dan kualitatif. <p>Pakar dalaman Kumpulan terus melakukan pengesahan model secara bebas daripada aspek terpilih metodologi dan andaian ECL Kumpulan setiap tahun. Kami menyemak hasil daripada kerja ini sebagai sebahagian daripada tugas kami.</p> <p>Kami juga melibatkan pakar-pakar untuk menyemak ECL portfolio kredit yang terpilih untuk menilai sama ada metodologi dan andaian adalah wajar.</p> <p>Sepanjang perjalanan tugas kami, kami mencabar rasional dan asas pengiraan pelarasan pasca model. Kami juga menilai kewajaran input ekonomi berpandangan ke hadapan tertentu, dan juga keluaran ECL keseluruhan, berdasarkan keadaan kredit yang mungkin timbul akibat kesan COVID-19.</p> <p>Secara keseluruhan, kami membuat kesimpulan bahawa ECL Kumpulan mengenai pendedahan bukan kemerosotan nilai adalah wajar.</p>
<p>Muhibah</p> <p>Setakat 31 Disember 2021, Kumpulan mempunyai sebanyak \$5,362 juta muhibah hasil daripada pengambilalihan.</p> <p>Kami memberi tumpuan kepada bidang ini memandangkan pihak pengurusan membuat pertimbangan yang ketara dalam menganggarkan aliran tunai masa hadapan dalam menjalankan penilaian rosot nilai muhibah tahunannya.</p> <p>Andaian utama yang digunakan dalam analisis aliran tunai terdiskaun berkaitan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • ramalan aliran tunai; • kadar diskaun; dan • kadar pertumbuhan jangka panjang. <p>(Juga rujuk kepada Nota 3 dan 27 pada penyata kewangan.)</p>	<p>Kami menilai kesesuaian pengenalpastian pihak pengurusan bagi unit penajaan tunai Kumpulan dan proses yang mana penunjuk kemerosotan nilai telah dikenal pasti.</p> <p>Pada tahun tersebut, Kumpulan memperhalus pengiraan muhibahnya untuk pengambilalihan Lakshmi Vilas Bank.</p> <p>Bagi francais DBS Bank (Hong Kong) Limited (muhibah sebanyak \$4,631 juta setakat 31 Disember 2021), kami menilai ramalan aliran tunai pihak pengurusan dan proses yang mana ia telah dibangunkan. Bersama-sama dengan pakar penilaian dalam pasukan kami, kami menilai kadar diskaun dan andaian kadar pertumbuhan terhadap prestasi sejarah Kumpulan sendiri dan industri luaran dan penunjuk ekonomi yang ada.</p> <p>Kami menilai semula analisis sensitiviti pihak pengurusan atas andaian utama untuk menentukan sama ada apa-apa perubahan yang munasabah dalam andaian ini akan menyebabkan kemerosotan nilai, dan juga melakukan analisis tekanan kami sendiri berdasarkan pada situasi di Hong Kong dan mempertimbangkan tinjauan pasaran memandangkan pandemik COVID-19 yang berterusan.</p> <p>Kami bersetuju dengan penilaian pihak pengurusan bahawa baki muhibah tidak merosot nilai setakat 31 Disember 2021.</p>

Perkara audit utama	Bagaimana audit kami menangani perkara audit utama
<p>Penilaian instrumen kewangan yang dipegang pada nilai saksama</p> <p>Instrumen kewangan yang dipegang oleh Kumpulan pada nilai saksama termasuk aset dan liabiliti derivatif, sekuriti dagangan, instrumen hutang tertentu dan aset dan liabiliti lain yang ditetapkan pada nilai saksama.</p> <p>Instrumen kewangan Kumpulan didominasi dengan menggunakan harga pasaran disebut harga ('Tahap 1') atau harga pasaran yang boleh dilihat ('Tahap 2'). Penilaian instrumen 'Tahap 3' bergantung pada input yang tidak dapat dilihat dengan ketara.</p> <p>Kami menganggap penilaian keseluruhan instrumen kewangan (Tahap 1, 2 dan 3) sebagai perkara audit utama yang memberi kepentingan kewangan kepada Kumpulan, sifat produk asas dan anggaran yang terlibat untuk menentukan nilai saksama.</p> <p>Dalam menentukan nilai saksama, pihak pengurusan juga membuat pelarasan untuk mengenal pasti risiko kredit, kos pembiayaan, sebaran tawaran bida dan dalam beberapa kes, parameter dan batasan risiko model. Ini secara meluas adalah selaras dengan industri perbankan, walaupun metodologi untuk mengira beberapa penyesuaian ini terus berubah.</p> <p>(Juga rujuk kepada Nota 3 dan 41 pada penyata kewangan.)</p>	<p>Kami menilai reka bentuk dan menguji keberkesanan operasi kawalan ke atas proses penilaian instrumen kewangan Kumpulan. Ini termasuk kawalan ke atas:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pengujian dan kelulusan pengurusan bagi model baru dan pengesahan semula model sedia ada; • kesempurnaan dan ketepatan input data harga ke dalam model penilaian; • pemantauan pertikaian cagaran; dan • mekanisme tadbir urus dan pemantauan ke atas proses penilaian (termasuk pelarasan penilaian derivatif) oleh Jawatankuasa Risiko Pasaran dan Risiko Kecairan Kumpulan dan Jawatankuasa Penilaian Kumpulan. <p>Kami memutuskan bahawa kami boleh mempercayai kawalan-kawalan ini bagi tujuan audit kami. Selain itu, kami:</p> <ul style="list-style-type: none"> • melibatkan pakar kami untuk menggunakan model dan sumber input mereka sendiri untuk menentukan taksiran bebas nilai saksama untuk sampel instrumen kewangan Tahap 1 dan Tahap 2 Kumpulan. Kami membandingkannya dengan pengiraan nilai saksama Kumpulan untuk menilai perbezaan penilaian matan individu atau berat sebelah sistemik; • menilai kewajaran metodologi yang digunakan dan andaian yang dibuat bagi sampel penilaian instrumen kewangan dengan input penilaian yang tidak dapat diperhatikan dengan ketara (instrumen Tahap 3); • melakukan prosedur mengenai pertikaian cagaran untuk mengenal pasti petunjuk yang berkemungkinan bagi penilaian yang tidak sesuai; dan • melakukan ujian input dan menilai metodologi ke atas pelarasan nilai saksama, berdasarkan data pasaran yang ada dan trend industri. • mempertimbangkan implikasi pembaharuan global terhadap Kadar Rujukan Faedah ("IBOR Reform") dalam penilaian nilai saksama kami. <p>Secara keseluruhannya, kami menganggap bahawa penilaian instrumen kewangan yang dipegang pada nilai saksama adalah dalam jangkauan hasil yang munasabah.</p>

Maklumat Lain

Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk maklumat lain. Maklumat lain merangkumi Laporan Para Pengarah (tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit kami mengenainya), yang kami peroleh sebelum tarikh laporan juruaudit ini, dan seksyen lain Laporan Tahunan ("Seksyen Lain") yang dijangka akan diberi kepada kami selepas tarikh tersebut.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan ini tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak dan tidak akan melahirkan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Berhubung audit penyata kewangan kami, kami bertanggungjawab untuk membaca maklumat lain yang dikenal pasti di atas dan, dalam melakukan demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain tersebut tidak konsisten secara matan dengan penyata kewangan atau pengetahuan yang kami peroleh dalam audit ini, atau sebaliknya kelihatan sebagai disalah nyata secara matan.

Jika, berdasarkan kerja yang kami telah laksanakan ke atas maklumat lain yang kami peroleh sebelum tarikh laporan audit ini, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang matan tentang maklumat lain ini, kami perlu melaporkan fakta ini. Dalam hal ini, tiada apa-apa yang perlu kami laporkan.

Apabila kami membaca Seksyen Lain, jika kami memutuskan bahawa terdapat salah nyata matan di dalamnya, kami dikehendaki menyampaikan perkara ini kepada mereka yang dipertanggungjawabkan dengan tadbir urus dan mengambil tindakan yang sewajarnya menurut SSA.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan dan Para Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Pihak pengurusan bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata-penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut peruntukan Akta dan SFRS(I) dan bagi melakar dan mengekalkan satu sistem kawalan perakaunan dalaman yang memadai untuk menyediakan jaminan munasabah bahawa aset-aset dilindungi daripada kerugian akibat penggunaan atau pelupusan yang tidak dibenarkan dan transaksi-transaksi diberi kebenaran dengan betul dan bahawa ia telah direkodkan sewajarnya bagi membolehkan persiapan penyata-penyata kewangan yang betul dan saksama dan bagi mengekalkan akauntabiliti aset.

Dalam menyediakan penyata kewangan ini, pihak pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan untuk meneruskan atas dasar usaha berterusan, dengan mendedahkan, mengikut keperluan, hal-ehwal yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan perakaunan usaha berterusan melainkan pihak pengurusan sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau untuk menghentikan operasi, atau tiada alternatif realistik lain melainkan untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab para pengarah termasuk memantau proses pelaporan kewangan Kumpulan.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan secara keseluruhan bebas daripada salah nyata matan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah ialah jaminan tahap tinggi tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dikendalikan menurut SSA akan sentiasa mengesan salah nyata matan jika ada. Salah nyata boleh berpunca daripada penipuan atau kesilapan dan disifatkan sebagai matan jika, secara individu atau agregat, ini secara munasabah dijangka akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit berlandaskan SSA, kami melaksanakan pertimbangan profesional dan mengekalkan skeptisisme profesional sepanjang audit ini. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata matan dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, membentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko-risiko ini dan mendapatkan bukti audit yang memadai dan bersesuaian untuk menjadi asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang matan yang disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengabaian dengan sengaja, salah representasi, atau tindakan mengatasi kawalan dalaman.
- Memahami kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk membentuk prosedur audit yang bersesuaian mengikut keadaan, tetapi bukan bagi tujuan melahirkan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
- Membuat kesimpulan tentang kewajaran penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh pihak pengurusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada terdapat ketidakpastian yang matan berhubung keadaan yang mungkin menimbulkan kesangsian yang ketara tentang keupayaan Kumpulan untuk meneruskan operasi atas dasar usaha berterusan. Jika kami memutuskan bahawa terdapat ketidakpastian matan, kami dikehendaki menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan tersebut atau, jika pendedahan tersebut tidak memadai, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh setakat tarikh laporan audit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan berhenti wujud sebagai usaha berterusan.
- Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan membentangkan transaksi dan peristiwa asas dalam cara yang memenuhi keperluan pembentangan yang saksama.
- Memperoleh bukti audit yang sewajarnya dan mencukupi berhubung maklumat kewangan bagi entiti atau aktiviti perniagaan Kumpulan bagi melahirkan pendapat tentang penyata kewangan yang disatukan ini. Kami bertanggungjawab untuk hala tuju, penyeliaan dan pelaksanaan audit Kumpulan ini. Kami bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pendapat audit kami.

Kami menyampaikan kepada para pengarah tentang, antara lain, skop dan masa audit yang dirancang serta penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.


Kami juga menyediakan kepada para pengarah pernyataan bahawa kami telah mematuhi keperluan etika yang relevan berhubung kebebasan, dan memaklumkan kepada mereka tentang semua perhubungan dan hal-ehwal yang secara munasabah difikirkan sebagai mempersoalkan kebebasan kami, dan di mana berkenaan, perlindungan yang berkaitan.

Daripada perkara-perkara yang disampaikan kepada para pengarah, kami menentukan perkara yang paling penting dalam audit penyata kewangan dalam tempoh semasa dan sehubungan dengan itu hal-ehwal audit penting. Kami menghuraikan perkara ini dalam laporan juruaudit kami melainkai undang-undang atau peraturan mengecualikan pendedahan tentang hal-ehwal ini kepada awam atau apabila, dalam keadaan ekstrem yang jarang berlaku, kami menentukan bahawa perkara ini tidak sepatutnya disampaikan dalam laporan kami kerana akibat berbuat demikian secara munasabah dijangka lebih menjejaskan daripada memanfaatkan kepentingan awam.

Laporan mengenai Keperluan Undang-undang dan Kawal Selia Yang Lain

Pada pandangan kami, rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan anak-anak syarikat yang diperbadankan di Singapura, di mana kami merupakan juruauditnya, telah disimpan dengan baik mengikut peruntukan Akta.

Rakan kongsi yang terlibat dalam audit ini sehingga terhasilnya laporan juruaudit bebas ini ialah Antony Eldridge.



PricewaterhouseCoopers LLP

Akauntan Awam dan Akauntan Berkanun

Singapura, 11 Februari 2022

PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN TERAUDIT

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

Dalam juta \$	2021	2020
Pendapatan faedah	10,185	12,208
Perbelanjaan faedah	1,745	3,132
Pendapatan faedah bersih	8,440	9,076
Pendapatan yuran dan komisen bersih	3,524	3,058
Pendapatan perdagangan bersih	1,791	1,405
Pendapatan bersih daripada sekuriti pelaburan	387	963
Pendapatan lain	259	90
Pendapatan bukan-faedah	5,961	5,516
Jumlah pendapatan	14,401	14,592
Faedah kakitangan	3,875	3,550
Perbelanjaan lain	2,694	2,608
Jumlah perbelanjaan	6,569	6,158
Untung sebelum peruntukan	7,832	8,434
Peruntukan untuk kredit dan kerugian lain	52	3,066
Untung sebelum cukai	7,780	5,368
Perbelanjaan cukai pendapatan	973	612
Untung bersih	6,807	4,756
Distributikan kepada:		
Para pemegang saham	6,805	4,721
Kepentingan tanpa kawalan	2	35
	6,807	4,756
Perolehan asas dan dicair sesaham biasa (\$)	2.61	1.81

Nota-nota merupakan bahagian penting bagi penyata kewangan ini

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF YANG DISATUKAN TERAUDIT

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

Dalam juta \$	2021	2020
Untung bersih	6,807	4,756
Pendapatan komprehensif lain:		
Item yang boleh diklasifikasikan semula seterusnya kepada penyata pendapatan:		
Perbezaan penterjemahan matawang asing bagi operasi luar negara	361	(65)
Pendapatan komprehensif syarikat bersekutu yang lain	12	(11)
Keuntungan/ (kerugian) ke atas instrumen hutang yang diklasifikasikan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain dan pergerakan lindung nilai aliran tunai	(757)	1,215
Penilaian bersih yang dibawa kepada ekuiti	(390)	(636)
Dipindahkan kepada penyata pendapatan	88	(41)
Cukai berkaitan dengan komponen pendapatan komprehensif yang lain		
Item yang tidak akan diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan:		
Keuntungan/ (kerugian) ke atas instrumen ekuiti yang diklasifikasikan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (selepas cukai)	122	(225)
Perubahan nilai saksama daripada risiko kredit sendiri ke atas liabiliti kewangan yang dinyatakan pada nilai saksama (selepas cukai)	(32)	25
Ukuran semula pelan manfaat ditentukan (selepas cukai)	(11)	-
Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai	(607)	262
Jumlah pendapatan komprehensif	6,200	5,018
Distributikan kepada:		
Para pemegang saham	6,194	4,983
Kepentingan tanpa kawalan	6	35
	6,200	5,018

Nota-nota merupakan bahagian penting bagi penyata kewangan ini

KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN TERAUDIT

Pada 31 Disember 2021

Dalam juta \$	2021	2020
Aset		
Tunai dan baki dengan bank pusat	56,377	50,618
Sekuriti kerajaan dan bil perbendaharaan	53,262	51,700
Penerimaan daripada bank	51,377	50,867
Derivatif	19,681	31,108
Sekuriti bank dan korporat	69,692	65,456
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan	408,993	371,171
Aset lain	15,895	19,495
Syarikat bersekutu dan usaha sama	2,172	862
Hartanah dan aset tetap lain	3,262	3,338
Muhibah dan aset tidak ketara	5,362	5,323
Jumlah aset	686,073	649,938
Liabiliti		
Terhutang kepada bank	30,209	28,220
Deposit dan baki daripada pelanggan	501,959	464,850
Derivatif	20,318	32,904
Liabiliti lain	18,667	22,074
Sekuriti hutang lain	52,570	43,277
Hutang berjangka subordinat	4,636	3,970
Jumlah liabiliti	628,359	595,295
Aset bersih	57,714	54,643
Ekuiti		
Modal saham	11,383	10,942
Instrumen ekuiti lain	2,392	3,401
Rizab lain	3,810	4,397
Rizab pendapatan	39,941	35,886
Dana pemegang saham	57,526	54,626
Kepentingan tanpa kawalan	188	17
Jumlah ekuiti	57,714	54,643

Nota-nota merupakan bahagian penting bagi penyata kewangan ini

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI YANG DISATUKAN TERAUDIT

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

Diatributkan kepada pemegang saham Syarikat

Dalam juta \$	Modal saham	Instrumen ekuiti lain	Rizab lain	Rizab pendapatan	Dana pemegang saham	Kepentingan tanpa kawalan	Jumlah ekuiti
2021							
Baki pada 1 Januari	10,942	3,401	4,397	35,886	54,626	17	54,643
Pembelian saham perbendaharaan	(16)	-	-	-	(16)	-	(16)
Pindahan ke rizab atas peletakan hak saham prestasi	115	-	(117)	-	(2)	-	(2)
Penebusan sekuriti modal berterusan	-	(1,009)	-	1	(1,008)	-	(1,008)
Kos bayaran berasaskan saham	-	-	134	-	134	-	134
Terbitan saham menurut Skim Dividen Skrip	342	-	-	(342)	-	-	-
Dividen dibayar kepada pemegang saham ^(a)	-	-	-	(2,392)	(2,392)	-	(2,392)
Sumbangan modal daripada kepentingan bukan kawalan	-	-	3	-	3	152	155
Pergerakan lain	-	-	-	(13)	(13)	13	-
Jumlah pendapatan komprehensif	-	-	(607)	6,801	6,194	6	6,200
Baki pada 31 Disember	11,383	2,392	3,810	39,941	57,526	188	57,714
2020							
Baki pada 1 Januari	10,948	2,009	4,102	33,922	50,981	818	51,799
Pembelian saham perbendaharaan	(447)	-	-	-	(447)	-	(447)
Pindahan ke rizab atas peletakan hak saham prestasi	162	-	(164)	-	(2)	-	(2)
Terbitan sekuriti modal berterusan	-	1,392	-	-	1,392	-	1,392
Penebusan saham keutamaan yang dikeluarkan oleh anak syarikat	-	-	-	(1)	(1)	(799)	(800)
Kos bayaran berasaskan saham	-	-	131	-	131	-	131
Terbitan saham menurut Skim Dividen Skrip	279	-	-	(279)	-	-	-
Dividen dibayar kepada pemegang saham ^(a)	-	-	-	(2,411)	(2,411)	-	(2,411)
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	(38)	(38)
Sumbangan modal daripada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	1	1
Jumlah pendapatan komprehensif	-	-	328	4,655	4,983	35	5,018
Baki pada 31 Disember	10,942	3,401	4,397	35,886	54,626	17	54,643

(a) Termasuk pengagihan yang dibayar pada sekuriti modal yang diklasifikasikan sebagai ekuiti (2021: \$121 juta, 2020: \$100 juta)

Nota-nota merupakan bahagian penting bagi penyata kewangan ini

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN TERAUDIT

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

Dalam juta \$	2021	2020
Aliran tunai daripada aktiviti operasi		
Untung sebelum cukai	7,780	5,368
Pelarasan untuk item bukan-tunai dan lain-lain item:		
Peruntukan untuk kredit dan lain-lain kerugian	52	3,066
Susut nilai hartanah dan aset tetap yang lain	669	648
Perkongsi keuntungan atau kerugian daripada syarikat-syarikat bersekutu	(213)	(61)
Keuntungan bersih atas pelupusan, bersih hapus kira hartanah dan aset tetap lain	13	38
Pendapatan bersih daripada sekuriti pelaburan	(387)	(963)
Kos bayaran berasaskan saham	134	131
Perbelanjaan faedah ke atas hutang berjangka subordinat	76	64
Perbelanjaan faedah ke atas liabiliti pajakan	30	28
Untung sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti operasi	8,154	8,319
Kenaikan/ (Penyusutan) dalam:		
Terhutang kepada bank	598	4,246
Deposit dan baki daripada pelanggan	33,162	57,164
Liabiliti lain	(16,913)	16,160
Sekuriti hutang dan pinjaman lain	9,149	(14,250)
Kenaikan/ (Penyusutan) dalam:		
Baki terkawal dengan bank pusat	(1,189)	(1,818)
Sekuriti kerajaan dan bil perbendaharaan	(1,168)	(379)
Penerimaan daripada bank	232	(11,465)
Sekuriti bank dan korporat	(3,277)	(1,340)
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan	(35,518)	(13,460)
Aset lain	15,199	(17,108)
Cukai dibayar	(698)	(1,188)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi (1)	7,731	24,881
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan		
Dividen daripada syarikat-syarikat bersekutu	42	31
Pengagihan modal daripada syarikat bersekutu	10	-
Pengambilalihan kepentingan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama	(1,108)	-
Hasil daripada pelupusan hartanah dan aset tetap lain	22	8
Pembelian hartanah dan aset tetap lain	(567)	(547)
Tunai dan kesetaraan tunai yang diambil alih daripada Lakshmi Vilas Bank (LVB)	-	93
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan (2)	(1,601)	(415)

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN TERAUDIT

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

Dalam juta \$	2021	2020
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan		
Terbitan sekuriti modal berterusan	-	1,392
Penebusan sekuriti modal berterusan	(1,008)	-
Terbitan hutang berjangka subordinat	1,000	-
Penebusan hutang berjangka subordinat	(257)	-
Faedah yang dibayar ke atas hutang berjangka subordinat	(64)	(66)
Penebusan saham keutamaan yang dikeluarkan oleh anak syarikat	-	(800)
Pembelian saham perbendaharaan	(16)	(447)
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	-	(38)
Dividen dibayar kepada pemegang-pemegang saham Syarikat, bersih daripada dividen skrip ^(a)	(2,392)	(2,411)
Sumbangan modal oleh kepentingan bukan kawalan	155	1
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan (3)	(2,582)	(2,369)
Pertukaran pelarasan terjemahan matawang asing (4)	940	170
Perubahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai (1)+(2)+(3)+(4)	4,488	22,267
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	42,202	19,935
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	46,690	42,202

(a) Termasuk pengagihan yang dibayar ke atas sekuriti modal yang diklasifikasikan sebagai ekuiti

Nota-nota merupakan bahagian penting bagi penyata kewangan ini

Maklumat Lain

1. Kecukupan Modal

Dalam juta \$	2021	2020
Modal Ekuiti Biasa Tingkat 1	49,248	44,786
Modal Tingkat 1	51,640	48,188
Jumlah modal	58,207	53,937
Aset Berwajaran Risiko	342,691	321,096
Nisbah Kecukupan Modal^(a) (%)		
Ekuiti Biasa Tingkat 1 (CET-1)	14.4	13.9
Tingkat 1	15.1	15.0
Jumlah	17.0	16.8

(a) Nisbah kecukupan modal Kumpulan tertakluk kepada penilaian jaminan terhad luaran, selaras dengan MAS Notis 609 "Laporan Juruaudit dan Maklumat Tambahan untuk diserahkan bersama Akaun Tahunan"

2. Dividen

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, para Pengarah telah mengesyorkan dividen akhir satu tingkat dikecualikan cukai sebanyak 36 sen bagi setiap saham biasa DBSH ("Dividen Akhir FY21"), tertakluk pada kelulusan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan pada 31 Mac 2022.

Butiran dividen yang disarankan ini, berserta dividen interim yang telah dibayar sepanjang tempoh tahun kewangan tersebut, adalah seperti berikut:

Dalam juta \$	2021	2020*
Saham Biasa DBSH		
Dividen interim satu tingkat dikecualikan cukai sebanyak 84 sen (2020: 69 sen)	2,154	1,752
Dividen terakhir satu tingkat dikecualikan cukai sebanyak 36 sen (2020: 18 sen)	925	459
	3,079	2,211

* Dividen yang lebih rendah bagi tahun 2020 adalah selaras dengan panduan MAS yang dikeluarkan pada 29 Julai 2020 bagi bank tempatan untuk menyederhanakan dividen bagi tahun kewangan 2020.

3. Peristiwa Selepas Akhir Tahun Kewangan

Terdapat dua peristiwa berikutan 31 Disember 2021. Pada 28 Januari 2022, Kumpulan mengumumkan pengambilalihan perniagaan perbankan pengguna Citigroup di Taiwan. Pada 7 Februari 2022, penalti risiko operasi yang berkaitan dengan gangguan digital pada November 2021 telah dikenakan ke atas anak syarikat utama Syarikat, DBS Bank Ltd. Atas andaian konservatif bahawa penalti risiko operasi tidak ditarik balik sebelum penyatuan perniagaan perbankan pengguna Taiwan Citigroup dan dengan mengandaikan tiada pertambahan modal, nisbah CET-1 ialah 13.3%, iaitu pada hujung atas julat sasaran CET-1.

PENYATA PENDAPATAN TERAUDIT

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

Dalam juta \$	2021	Bank	2020
Pendapatan faedah	7,117		9,201
Perbelanjaan faedah	1,109		2,761
Pendapatan faedah bersih	6,008		6,440
Pendapatan yuran dan komisen bersih	2,441		2,140
Pendapatan perdagangan bersih	1,286		938
Pendapatan bersih daripada sekuriti pelaburan	320		858
Pendapatan lain	530		387
Pendapatan bukan-faedah	4,577		4,323
Jumlah pendapatan	10,585		10,763
Faedah kakitangan	2,366		2,177
Perbelanjaan lain	1,749		1,704
Jumlah perbelanjaan	4,115		3,881
Untung sebelum peruntukan	6,470		6,882
Peruntukan untuk kredit dan lain-lain kerugian	(118)		2,323
Untung sebelum cukai	6,588		4,559
Perbelanjaan cukai pendapatan	713		408
Untung bersih diatribut kepada pemegang saham	5,875		4,151

Nota-nota merupakan bahagian penting bagi penyata kewangan ini

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF TERAUDIT

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

Dalam juta \$	2021	Bank	2020
Untung bersih	5,875		4,151
Pendapatan komprehensif lain:			
Item yang boleh diklasifikasikan semula seterusnya kepada penyata pendapatan:			
Perbezaan penterjemahan matawang asing bagi operasi luar negara	27		(13)
Keuntungan/ (kerugian) ke atas instrumen hutang yang diklasifikasikan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain dan pergerakan lindung nilai aliran tunai			
Penilaian bersih yang dibawa kepada ekuiti	(578)		879
Dipindahkan kepada penyata pendapatan	(249)		(478)
Cukai berkaitan dengan komponen pendapatan komprehensif yang lain	35		(10)
Item yang tidak akan diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan:			
Keuntungan/ (kerugian) ke atas instrumen ekuiti yang diklasifikasikan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (selepas cukai)	111		(240)
Perubahan nilai saksama daripada risiko kredit sendiri ke atas liabiliti kewangan yang dinyatakan pada nilai saksama (selepas cukai)	(32)		25
Pendapatan komprehensif yang lain, selepas cukai	(686)		163
Jumlah pendapatan komprehensif yang diatribut kepada pemegang saham	5,189		4,314

Nota-nota merupakan bahagian penting bagi penyata kewangan ini

KUNCI KIRA-KIRA TERAUDIT

Pada 31 Disember 2021

Dalam juta \$	2021	Bank 2020
Aset		
Tunai dan baki dengan bank pusat	48,688	39,388
Sekuriti kerajaan dan bil perbendaharaan	37,816	36,682
Penerimaan daripada bank	43,857	44,643
Derivatif	18,364	27,959
Sekuriti bank dan korporat	63,380	59,944
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan	325,734	302,587
Aset lain	11,532	14,936
Syarikat bersekutu dan usaha sama	1,272	186
Anak-anak syarikat	28,545	31,860
Penerimaan daripada syarikat pegangan	718	911
Hartanah dan aset tetap lain	1,806	1,849
Muhibah dan aset tidak ketara	334	334
Jumlah aset	582,046	561,279
Liabiliti		
Terhutang kepada bank	24,087	23,586
Deposit dan baki daripada pelanggan	387,824	350,079
Derivatif	18,880	29,537
Liabiliti lain	12,858	16,800
Sekuriti hutang lain	45,066	38,081
Terhutang kepada syarikat pegangan	8,776	6,031
Terhutang kepada anak-anak syarikat	34,439	48,288
Jumlah liabiliti	531,930	512,402
Aset bersih	50,116	48,877
Ekuiti		
Modal saham	24,452	24,452
Instrumen ekuiti lain	2,396	4,209
Rizab lain	(425)	264
Rizab pendapatan	23,693	19,952
Dana pemegang saham	50,116	48,877

Nota-nota merupakan bahagian penting bagi penyata kewangan ini

Maklumat Lain

1. Kecukupan Modal DBS Bank Ltd. dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan Bank)

Nisbah Kecukupan Modal^(a) (%)	2021	2020
Ekuiti Biasa Tingkat 1 (CET-1)	14.3	13.8
Tingkat 1	15.0	15.1
Jumlah	17.0	16.9

(a) Nisbah kecukupan modal Kumpulan Bank tertakluk kepada penilaian jaminan terhad luaran, selaras dengan Notis MAS 609 "Laporan Juruaudit dan Maklumat Tambahan untuk diserahkan bersama Akaun Tahunan"

2. Peristiwa Selepas Akhir Tahun Kewangan

Terdapat dua peristiwa berikutan 31 Disember 2021. Pada 28 Januari 2022, DBS Bank Ltd. (Bank) mengumumkan pengambilalihan perniagaan perbankan pengguna Citigroup di Taiwan. Pada 7 Februari 2022, penalti risiko operasi yang berkaitan dengan gangguan digital pada November 2021 telah dikenakan ke atas Bank. Atas andaian konservatif bahawa penalti risiko operasi tidak ditarik balik sebelum penyatuan perniagaan perbankan pengguna Taiwan Citigroup, dan dengan mengandaikan tiada pertambahan modal, nisbah CET-1 Kumpulan Bank ialah 13.2%, iaitu pada hujung atas julat sasaran CET-1.